

Prasarana diarah kaji kawasan jajaran rel berisiko pokok tumbang

PUTRAJAYA - Kementerian Pengangkutan (MOT) mengarahkan Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) supaya menjalankan kajian mendalam membabitkan kawasan berisiko berlakunya insiden pokok tumbang di sepanjang laluan rel syarikat itu.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, Prasarana juga perlu mengadakan perbincangan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengenal pasti lokasi terbabit.

"Kerja-kerja penyelenggaraan ini sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa PBT dan terdapat juga kawasan-kawasan persendirian, jadi kita tidak boleh sesuka hati masuk ke kawasan tersebut.

"Namun, sebagai operator kita perlu lebih proaktif dan saya minta Prasarana supaya membuat satu siasatan (kajian) yang lebih terperinci dengan melihat kawasan-kawasan yang berisiko ini dan seterusnya berbincang dengan DBKL atau PBT yang terlibat mengenai perkara itu terutamanya di se-

panjang jajaran yang melibatkan laluan monorel dan LRT," katanya kepada pemberita selepas Majlis Erat Kasih Madani dan Perhimpunan Bulanan MOT di sini pada Khamis.

Tambah Anthony, monorel dan LRT merupakan sistem pengangkutan yang lebih berisiko untuk terdedah kepada insiden yang tidak diingini seperti pokok tumbang dan sebagainya, berikutan landasannya yang berada di tengah pusat bandar.

"Sebab kita punya sistem rel ini kebanyakannya rel bertingkat, kalau di bawah tanah itu tiada risiko begini.

"Memang penyelenggaraan pokok itu antara agenda utama... sebelum ini pun memang ada penyelenggaraan berkala tetapi dengan berlakunya kejadian-kejadian seperti ini kita perlu melipatgandakan tumpuan," ujarnya.

Selasa lepas, seorang lelaki maut manakala dua lagi cedera selepas sebatang pokok tumbang menghempap 17 kenderaan dan landasan monorel akibat hujan lebat serta angin kuat di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. - *Bernama*



Anthony (dua dari kanan) beramah mesra bersama Anak-Anak Yatim At Taqwa Puchong dalam majlis MOT di Putrajaya pada Khamis.